

# NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven Peruncit Pertama Di Malaysia Terima Alipay
PUBLICATION	Berita Harian
PAGE/SECTION	B6/Bisnes
DATE	23 May 2017
TIME	-

Ms.B6

## BISNES

### 7-Eleven peruncit pertama di Malaysia terima Alipay

7-Eleven Malaysia Bhd (7-Eleven) muncul peruncit pertama di Malaysia menerima pembayaran secara e-dompet, Alipay dan menasaskan lebih ramai pelanggan China akan membeli barangan di rangkaian kedai serbaneka berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown, berkata 7-Eleven mula menerima Alipay pada 12 Mei lalu dan 94 peratus daripada 2,100 premisnya sudah melaksanakan sistem berkenaan.

"Semua premis kami akan mula menggunakan Alipay dalam masa dua hari lagi. Di China misalnya, sistem pembayaran sedemikian menjadi saluran beli-belah dan kami berharap ia mendapat sambutan baik memandangkan ramai pelancong China berkunjung ke negara ini," katanya selepas majlis pelancaran e-dompet mudah alih, Alipay di premis 7-Eleven Bukit Bintang di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Tan Sri Vincent Tan yang juga pengasas Berjaya Corporation - syarikat yang menjadi pemegang majoriti 7-Eleven Malaysia.

Brown berkata, usaha memasangkan sistem pembayaran itu tidak memerlukan modal tinggi kerana ia boleh beroperasi dengan terminal MOL sedia ada berikutan kerjasama strategik 7-Eleven dengan MOL Global Inc, penyedia teknologi khidmat pembayaran dalam premis.

#### Bancak ekonomi

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Perniagaan Antarabangsa bagi syarikat induk Alipay, Ant Financial Services Group, Douglas Feagin, berkata seramai 2.1 juta pelancong China mengunjungi Malaysia tahun lalu dan angka itu dijangka mencecah 3.5 juta orang tahun ini.

Menurutnya, selain sudah biasa dengan mekanisme pembayaran itu, Alipay juga membolehkan pelancong itu berurusan dengan peruncit di sini membolehkan jualan produk atau maklumat promosi semasa dan lokasi kedai serbaneka itu.

"Bilangan pelancong dan pedagang akan meningkat dan merencanakan aktiviti ekonomi," katanya.

Pada masa sama, Tan yang juga pemegang majoriti MOL Global berkata, di Thailand, pelancong China membelanjakan sehingga lima kali lebih banyak bagi setiap transaksi di kedai 7-Eleven secara e-dompet Alipay berbanding transaksi di kedai Malaysia.

BERNAMA



Semua premis kami akan mula menggunakan Alipay dalam masa dua hari lagi.

Gary Brown, Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia Bhd

Selasa, 23 Mei 2017 BH

FOTO SYARAFI ABD SAMAD/BH



Azmi (tengah) baramah mesra bersama penerima anugerah pada Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan Sepanjang Hayat Pekerja Prasarana di Kuala Lumpur, semalam.

## Prasarana sasar 40 peratus rakyat guna pengangkutan awam

Syarikat yakin capai sasaran apabila projek LRT3 siap

Oleh Alzahrin Alias zahrin@bh.com.my

Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) menasaskan peningkatan pengguna pengangkutan awam kepada 40 peratus menjelang 2030 berbanding hanya 25 peratus pada masa ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Azmi

Abdul Aziz, berkata sasaran peningkatan itu sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahu meningkatkan mutu dan perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

"Ketika ini hanya 25 peratus rakyat negara ini menggunakan pengangkutan awam dan menjelang 2030, kami menasaskan ia meningkat kepada 40 peratus.

"Kami sudah menyusun perancangan berdasarkan perancangan kerajaan bagi menunjukkan keupayaan dan prestasi dalam memastikan sasaran dapat dicapai. Kami mahu pastikan jajaran pengangkutan awam ini menyeluruh dan mempunyai sambungan dari satu destinasi ke destinasi utama lain," katanya

selepas Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan Sepanjang Hayat Pekerja Prasarana (PEARL) di Kuala Lumpur, semalam.

Azmi berkata, pihaknya juga yakin peningkatan pengguna pengangkutan awam akan meningkat tahun ini berdasarkan kepada operasi perkhidmatan rel Mass Rapid Transit (MRT).

Beliau berkata, projek fasa kedua MRT 1 akan bermula hujung Julai ini dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada Ogos, sekali gus membantu meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam.

"Kami juga yakin sasaran itu dapat dicapai apabila projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) bakal dilaksanakan tidak lama nanti," katanya.

#### Ambil alih operasi feri

Sementara itu, Azmi berkata, Prasarana kini dalam proses perancangan akhir bagi proses dokumentasi bersama Kementeri-

an Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) bagi pengambilalihan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang.

Beliau berkata, pengambilalihan itu adalah satu perkara baharu bagi Prasarana kerana menguruskan perkhidmatan pengangkutan awam marin berbanding operasi pengangkutan awam darat.

"Walaupun berbeza segmen, darat dan marin tetapi secara dasarnya operasi masih sama, iaitu menyediakan kemudahan pengangkutan awam kepada pengguna.

"Bagi kami, cabaran itu tetap ada tetapi kami menganggap ini semua proses pembelajaran dan transformasi baharu dalam mengendalikan operasi pengangkutan awam di Malaysia," katanya.

## RHB sedia RM60j untuk Brunnsfield

RHB Bank Bhd semalam memeterai perjanjian dengan Brunnsfield International Group membolehkan pertertaan dalam Rangkaian Bekalan Kewangan RHB (FSC) yang menyediakan kemudahan platform penyelesaian pembiayaan dan pembayaran secara dalam talian.

Pengarah Urusan Kumpulan RHB Banking Group, Datuk Khairussaleh Raml, berkata di bawah penyelesaian itu, pembekal dan subkontraktor akan memiliki akses untuk kemudahan pembayaran tanpa memerlukan sebarang kolateral atau asas pengutangan.

"Pembabit syarikat itu bertujuan mendapatkan pembiayaan pembekalan FSC sebanyak RM60 juta dengan RHB Bank.

"Penyelesaian kewangan pembekal FSC RHB itu tidak hanya membolehkan pengoptimuman modal kerja untuk Brunnsfield, pembekal dan subkontraktor, namun pada masa sama turut mengukuhkan kerjasama pembekal dalam rangkaian bekalan," katanya pada majlis pemeteraian perjanjian itu di Kuala Lumpur, semalam.

Brunnsfield dan barisan pembekal dan subkontraktor itu akan dihubungkan menerusi platform RHB FSC, sebuah platform kewangan berasaskan (aman) sesawang menerusi RHB Reflex

untuk semua permohonan pembiayaan.

ia turut menyediakan kemudahan transaksi secara dalam talian pada masa sebenar yang menambah baik kecekapan, selain memudahkannya pembabit Brunnsfield, pembekal serta subkontraktor.

Kaedah itu akan juga membolehkan mereka menukar bil belum terima kepada tunai dan pindaan risiko terkumpul kepada bank.

BERNAMA